

21/03/2004

Nordin mengaku Imam Mahadi kurun ke-15

Ziauddin Sharuddin

SIRI pertama rencana ini membawa pembaca kepada kisah mengenai seorang lelaki yang mengaku dirinya sebagai Imam Mahadi. Kemunculan Imam Mahadi bukan perkara baru kerana ia sering diperkatakan sejak zaman berzaman. Kemunculan Imam Mahadi dikatakan adalah antara tanda akhir dunia semakin menemui penghujungnya dan kiamat bakal menjelma. Bagaimanapun, sejarah juga menyaksikan satu demi satu manusia muncul mengaku mereka sebagai Imam Mahadi. Ternyata mereka adalah manusia jelik yang hanya mahu mengambil kesempatan terhadap orang yang jahil. Di negara kita, kemunculan Imam Mahadi juga tidak terkecuali sedangkan mereka sebenarnya telah tersesat daripada landasan agama sebenar.

JABATAN Agama Islam Selangor (Jais) sudah lama memerhatikan kegiatan Mohd Nordin Puteh di rumahnya di Lembah Keramat, Hulu Klang.

Intipan itu bukan tidak bersebab kerana ajaran yang dibawa Mohd Nordin telah difatwa sebagai sesat oleh Majlis Agama Islam Selangor (Mais) pada 26 Ogos dan diwartakan pada 28 September 1995.

Bagaimanapun, maklumat yang Jais terima menunjukkan Mohd Nordin tidak mepedulikan keputusan Mais dan terus menyebarkan ajarannya yang bertentangan dengan Islam.

Mahu tidak mahu, Jais perlu bertindak kerana setiap tahun, pelbagai ajaran sesat muncul dan jika tidak dibanteras lebih awal, pasti merebak dan mendapat lebih ramai pengikut.

Walaupun umat Islam digalakkan mendalami ilmu Islam, tetapi lebih baik dilakukan dengan berguru. Bagaimanapun, hendak berguru perlu berhati-hati kerana salah berguru, buruk padahnya.

Ini kerana guru yang menyeleweng akan mengajar ilmu yang menyimpang daripada ajaran Islam sebenar.

Setelah cukup segala maklumat yang diperlukan, akhirnya sepasukan bahagian penguat kuasa Jais, melancarkan operasi di rumah Mohd Nordin yang mengaku dirinya sebagai Imam Mahadi.

Seramai lima anggota bahagian itu menyerbu rumahnya di Lembah Keramat, kira-kira jam 9.30 malam, 30 Mac 1996. Ketika itu, turut berada di rumah itu ialah isteri keduanya dan tujuh pengikutnya.

Mereka dibawa ke Balai Polis Taman Melawati untuk disoal siasat berhubung kegiatannya.

Ketua Penguat Kuasa Jais, Mohd Nasir Mohd Zakaria, berkata ketika siasatan, Mohd Nordin mendakwa dia adalah Imam Mahadi kerana terdapat 40 tanda di badannya, termasuk bahagian belakang yang berbulu.

Selain itu, katanya Mohd Nordin mendakwa dia menerima bisikan suara ghaib ketika bertapa di sebuah gua di Gombak pada 1980-an.

Mohd Nordin yang dikatakan mempunyai kira-kira 90 pengikut, katanya juga menghalalkan sentuhan antara lelaki dan wanita serta mengamalkan perkahwinan batin.

Ketika serbuan itu, katanya penguat kuasa Jais, merampas tasbih, kitab, pita video mengenai Imam Mahadi serta salinan fotostat mengenai dirinya yang didakwa telah dihantar kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad serta beberapa ulama tanah air.

Jais tidak menunggu lama untuk menghadapkan Mohd Nordin, ke muka pengadilan. Pada 1 April 1996, dia segera dibawa ke Mahkamah Rendah Syariah atas tuduhan menyebarkan ajaran Islam tanpa tauliah.

Mahkamah kemudian membenarkan permohonan Pendakwa Syarie, Ismail Mohamed, supaya Mohd Nordin ditahan reman lapan hari bagi membolehkan

siasatan lanjut dibuat.

Ismail berkata, Mohd Nordin perlu ditahan hingga 8 April 1996, bagi membolehkan pihak pendakwa merujuk kes itu kepada Ketua Pendakwa Syarie, berhubung kesalahan tertuduh.

Selepas tempoh tahanan reman berakhir, Mohd Nordin, dibawa ke Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur, untuk menghadapi tuduhan rasminya, mengajar agama Islam tanpa tauliah.

Mengikut fakta kes, Mohd Nordin ditahan dalam serbuan oleh lima anggota bahagian penguat kuasa Jais ketika sedang menyebarkan ajarannya kepada mengikutnya, dua lelaki dan tiga wanita.

Sebaik saja tuduhan selesai dibaca, Mohd Nordin, yang tidak diwakili peguam, mengaku tidak bersalah dan meminta dibicarakan.

Pendakwa Syarie, Abdul Hamid Mohamed, meminta mahkamah menengguhkan perbicaraan bagi membolehkan pihaknya memanggil sembilan saksi, termasuk tiga kakitangan Jais.

Berikutan itu, Hakim Mukhyuddin Ibrahim, mengenakan ikat jamin RM500 dengan seorang penjamin sementara menunggu perbicaraan yang ditetapkan pada 6 Mei 1996.

Kes ini menarik perhatian ramai kerana ini bukan kali pertama individu di negara Islam mengaku sebagai Imam Mahadi, malah ada yang mengaku Nabi Muhammad saw.

Penyelewengan dari segi agama ini sebenarnya tidak terhad bagi Islam, malah `agama langit' lain seperti Kristian. Agama Shinto yang bertuhankan matahari di Jepun juga tidak terkecuali.

Hari yang dinanti-nantikan akhirnya tiba. Pada 6 Mei 1996, bermulalah perbicaraan terhadap Mohd Nordin.

Pengikutnya, Mohd Akmal Senin, 21, mendedahkan kepada mahkamah bahawa gurunya pernah mengajar kepadanya beberapa perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Antara ajaran itu termasuk orang Islam tidak perlu menunaikan sembahyang selagi tidak `dijazahkan' oleh Mohd Nordin.

Mohd Akmal berkata, umat Islam ketika berpuasa dibenarkan makan dan minum selagi tidak mengubah niat berpuasa.

"Dia mengaku dirinya sebagai Imam Mahadi kurun ke-15, tetapi dia masih menuntut dan dalam rangka mengumpul pengikut," kata saksi dari Petaling Jaya itu.

Seorang lagi saksi, Azhar Nordin, 28, pula memberitahu gurunya pernah memberitahunya mengenai tafsiran sembahyang yang ternyata menyimpang daripada ajaran sebenar.

"Makna sembahyang padanya ialah mematikan diri, iaitu tiada pergerakan badan atau apa-apa pergerakan lain," katanya.

Azhar memberitahu mahkamah bahawa antara punca utamanya datang ke rumah Mohd Nordin ialah hendak mengetahui mengenai amalan nikah batin yang diajar guru agama itu.

"Mengikut Mohd Nordin, nikah batin yang dibenarkan ialah pernikahan mesti diakadkannya sebelum pasangan itu ke pejabat agama untuk mendapatkan sijil pernikahan," katanya.

MINGGU DEPAN - Walaupun tidak tahu mengenai prosedur undang-undang Mahkamah Syariah dan kaedah membela diri, `Imam Mahadi' itu tetap tidak mahu mengambil peguam bela. Mahkamah juga didedahkan dengan lebih banyak tanda bahawa Mohd Nordin ialah Imam Mahadi. Sementara itu, kebiasaannya mereka yang dihadapkan ke mahkamah seboleh-bolehnya cuba mengelak jurugambar, tetapi bukan dalam kes Mohd Nordin. Ikuti aksinya minggu depan.

FAKTA KES

Tertuduh: Mohd Nordin Puteh, 56.

Mahkamah: Mahkamah Syariah Gombak Timur.

Hakim: Mukhyuddin Ibrahim.

Tuduhan: Mengeluarkan fatwa ajaran sesat.

Tempat: Di sebuah rumah No 3, Jalan AU5D/3 Lembah Keramat, Hulu Klang, Selangor.

Waktu: Antara jam 9 malam hingga 11.30 malam pada 25 Mac 1996 dan antara 8.45 malam hingga 9.40 malam, 30 Mac 1996.

Hukuman: Denda maksimum RM1,000 atau penjara enam bulan atau kedua-duanya mengikut Seksyen 167 dan 168 Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952 (Pindaan 193).